

24/05/2003

JPM minta agensi perkemas peraturan

MIRI: Jabatan Perdana Menteri (JPM) sudah meminta Jabatan Peguam Negara dan agensi kerajaan terbabit memperkemas peraturan dan penyeragaman sistem penguatkuasaan undang-undang supaya usaha membendung kegiatan negatif dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Menterinya, Datuk Seri Dr Rais Yatim, berkata ini kerana kerajaan sudah menyelesaikan beberapa masalah berhubung pertindihan kuasa dan peraturan itu sepatutnya sudah diperkemas bagi mengembalikan keyakinan rakyat terhadap usaha kerajaan.

Beliau berkata, persoalan sekarang siapa yang harus melaksanakan tugas penguatkuasaan undang-undang walaupun sesetengah lesen dikeluarkan agensi

kerajaan lain seperti Kementerian Kewangan atau pihak berkuasa tempatan.

"Sehubungan itu, penyeragaman perlu supaya semua tindakan dilaksana dengan berkesan.

"Pelaksanaan undang-undang perlu dijalankan tanpa mengira pangkat, termasuk jika dilakukan anggota penguat kuasa sendiri," katanya di Lapangan Terbang Miri, Sarawak semalam.

Rais mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bahawa kerajaan akan menyeragamkan penguatkuasaan bagi meningkatkan keberkesanan membendung kegiatan negatif seperti pengedaran cakera padat video lucah (VCD) lucah dan perjudian.

Dr Rais juga berkata, orang ramai sudah bosan dan sangsi mengenai kelemahan aspek penguatkuasaan yang dilaksanakan sekarang, termasuk penyalahgunaan kuasa oleh sesetengah pihak dalam agensi yang sepatutnya menguatkuasakan undang-undang.